

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN JEEF OOI CHUAN AUN**
(JELUTONG)

TARIKH : **30 MAC 2015**

SOALAN : **Y.B. TUAN JEEF OOI CHUAN AUN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada secara muktamadnya draf Rang Undang-undang Akta Keharmonian Nasional telah digugurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, cadangan Rang Undang-undang Akta Keharmonian Nasional masih diperingkat perbincangan.

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) sebagai badan khas yang telah ditubuhkan kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu

perpaduan telah dipertanggungjawabkan bagi mendapatkan input-input dari peringkat akar umbi.

Kerajaan hanya akan mempertimbangkan keperluannya selepas mendapat input daripada MKPN.

Sekian terima kasih.